

**Jenis Akhbar** : Kosmo  
**Tarikh** : 03/08/2023  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 38  
**Tajuk** : Kerjasama ANGKASA-Samsung perkukuh bisnes koperasi

## Kerjasama Angkasa-Samsung perkukuh bisnes koperasi

**PETALING JAYA** – Kerjasama yang dimeterai oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Samsung Malaysia Electronics bakal memperkukuh ekosistem perniagaan koperasi, khususnya dalam sektor inovasi dan teknologi.

Menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Wisma Ungku A. Aziz di sini semalam, Angkasa bakal menjadi salah satu pembekal produk keluaran Samsung dan usahasama itu akan dilaksanakan dalam dua fasa.

Pada fasa pertama, koperasi boleh mendapatkan bekalan produk melalui sistem dalam talian, iaitu JimatBiz pada harga lebih rendah daripada pasaran. Koperasi mempunyai kebebasan



**ABDUL FATTAH (dua dari kiri) bersama Presiden Samsung Malaysia, Denny Kim menunjukkan dokumen MoU yang ditandatangani di Petaling Jaya kelmarin.**

untuk menjual atau menyimpan barang tersebut bergantung strategi perniagaan mereka.

Dalam fasa kedua, pengguna

boleh mendapatkan peranti Samsung melalui anak syarikat Angkasa, MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. secara dalam talian

dengan pilihan bayaran secara ansuran melalui kemudahan potongan gaji.

Ciri tambahan itu sejajar den-

gan matlamat Angkasa untuk memperkasa koperasi dan anggotanya dengan menyediakan akses kepada peranti berkualiti tinggi yang dapat meningkatkan produktiviti serta daya saing mereka.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama berkenaan mampu merebut sebahagian besar pasaran, sekurang-kurangnya dalam kalangan lebih tujuh juta anggota koperasi di seluruh negara.

"Angkasa berharap kerjasama ini menjadi pendorong kepada lebih banyak lagi kerjasama dengan pemain industri lain, sekaligus memperkuatkan ekosistem koperasi yang memberi manfaat besar kepada anggota koperasi dan masyarakat umum," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA